

12/09/2001

Revolusi baru sukan berkuda

Mohd Ali Majid

DARI segi kedudukan, mereka sebenarnya sudah selesai, tetapi minat mendalam terhadap sukan berkuda menyebabkan mereka sentiasa sibuk dan tidak mengira berapa banyak yang perlu dibelanjakan.

Itulah Datuk Kamaruddin Abdul Ghani, pengarah eksekutif di Bukit Kiara Ekuestrian & Country Resorts dan Dr Nik Isahak Wan Abdullah, seorang pakar sakit jantung di sebuah hospital swasta di Subang Jaya.

Kamaruddin berasal dari Pekan dan Dr Nik Isahak, Kota Bharu mencipta sejarah dalam Sukan Sea XXI Kuala Lumpur 2001 yang bermula Sabtu lalu.

Dalam acara jalan lasak yang kali pertama di pertandingkan pada sukan dwitahunan ini, Kamaruddin dan Dr Nik Isahak memastikan kemenangan 1-2 untuk membakar semangat atlit lain yang menyamai pencapaian mereka.

"Saya gembira dan bersyukur kerana berjaya menyumbang emas untuk negara," kata Kamaruddin, penunggang veteran berusia 56 tahun itu.

Dr Nik Isahak turut mengutarakan pendapat yang sama meskipun tidak memenangi emas.

"Bagi saya yang pertama kali beraksi dalam Sukan Sea ini, pingat perak itu sama harganya dengan emas," katanya.

Mereka berterima kasih kepada semua pihak yang membantu mencatat kejayaan manis ini, terutama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein serta rakan sepasukan.

"Tanpa sokongan dan galakan mereka, sukar untuk melaksanakan tugas yang begitu mencabar," kata Kamaruddin dan Dr Nik Isahak sambil menekankan dorongan dan galakan keluarga menguatkan semangat mereka untuk bertarung.

Dalam pada itu, mereka juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada kuda yang membantu mencapai kejayaan.

Dalam kejohanan ini Kamaruddin menunggang kuda yang dibeli dari Perancis, Elsi De L'Aigoul manakala Dr Nik Isahak dengan Jogho, berasal dari Australia.

Menurut Kamaruddin, kuda menjadi faktor utama kejayaan setiap ekuin dalam sukan ekuestrian, baik dalam acara jalan lasak, show jumping, dressage dan eventing.

"Kejayaan seseorang ekuin bergantung kepada 70 peratus dari kekuatan kuda, 20 peratus dari penunggangnya dan selebihnya kuasa Allah," katanya.

Pendapat ini turut disokong Dr Nik Isahak yang turut menekankan soal dedikasi dan komitmen ekuin itu sendiri.

Justeru, kata Kamaruddin berkata mereka yang berjaya dalam sukan ini tidak lokek mengeluarkan wang untuk membeli dan membela kuda.

"Untuk sukan ini saya berbelanja ratusan ribu ringgit untuk mendapat kuda yang baik terutama dari luar negara.

"Saya tidak menyesal membelanjakan banyak wang asalkan pulangnya berbaloi," katanya.

Begitu juga Dr Nik Isahak yang membelanja RM26,000 untuk kuda yang digunakan dalam temasya ini asalkan matlamatnya menyertai temasya terbesar Asia Tenggara ini menjadi kenyataan.

Ditanya mengenai rancangan mereka pada masa akan datang, kedua-dua mereka berhasrat mengembangkan sukan ini ke seluruh negara.

"Saya sudah berbincang dengan Datuk Kamaruddin cara untuk mengembangkan sukan ini ke seluruh negara terutama kepada remaja," kata Dr Nik.

Katanya, sebelum mereka mengundur diri mereka perlu mencungkil bakat dan melahirkan ramai remaja yang berkemampuan untuk menggantikan tempat

mereka.

"Kita mengharapkan rancangan yang bakal kami jalankan mendapat sokongan semua pihak terutama pihak korporat," kata Kamaruddin.

Bulan lalu, Kamaruddin berjaya membawa beberapa ekuin remaja menyertai kejohanan di Argentina sebagai pendedahan dan menimba pengalaman.

Bagi mereka, kejayaan di Sukan Sea bukanlah noktah dalam pembabitan mereka dalam sukan ini.

Matlamat utama mereka sekarang ialah menyertai sebanyak mungkin kejohanan di peringkat dunia untuk mencari kejuaraan dan membolehkan mereka bersaing di Olimpik.

Di antara kedua-dua penunggang itu, Kamaruddin paling aktif dengan menyertai sekurang-kurangnya sembilan kejohanan sepanjang tahun ini.

Pembabitannya dengan Kejohanan Dunia itu bermula dengan menyertai Kejohanan Jalan Lasak Sedunia di Dubai 1998 di samping kejohanan peringkat kebangsaan dan tempatan.

"Saya berharap mencatat sejarah sebagai orang pertama dari Asia muncul juara dunia," kata Kamaruddin yang menduduki ranking kelima dunia, pada Julai lalu.

Menurutnya, selepas ini, dia akan menyertai beberapa kejohanan lagi seperti di Itali dan Perancis.

Bagi Dr Nik Isahak, tugasnya sebagai doktor pakar jantung mengehendkan pembabitannya di peringkat antarabangsa.

"Tapi, saya akan sentiasa berlatih dan jika mendapat peluang dan tajaan, saya juga ingin beraksi dalam kejohanan antarabangsa," katanya yang menjadikan sukan berkuda untuk mengatasi tekanan tugas harian.